

**Article Info:**

Published Date: 01 March 2022

\*Corresponding Author: zainuddin@fskik.upsi.edu.my

## REKABENTUK 3-DIMENSI DALAM KESENIAN MELAYU TRADISIONAL

### *3-Dimensional Design in Traditional Malay's Art*

Zainuddin Abindinhazir @ Abd. Rashid<sup>1</sup>, Amir Hashim<sup>2</sup>, Lee Hoi Yeh<sup>3</sup>,  
Norzuraina Mohd Nor<sup>4</sup>

Jabatan Seni dan Rekabentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

**To cite this article (APA):** Abindinhazir @ Abd. Rashid, Z., Hashim, A., Hoi Yeh, L., & Mohd Nor, N. (2022). 3-Dimensional Design in Traditional Malay's Art. *KUPAS SENI*, 10, 1-11. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.1.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.1.2022>

### ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah penelitian terhadap perkembangan seni arca dalam persekitaran sejarah dan kebudayaan Malaysia. Pembangunan rekabentuk seni 3-dimensi yang merentasi beberapa siri peralihan, telah menyaksikan pengalaman negara menempuh pelbagai transformasi politik, agama dan sosial bermula dari zaman prasejarah, kolonialisasi, dan era pasca merdeka sehingga hari ini. Rantaian ini menghubungkan faktor-faktor sejarah, fenomena dan budaya dalam pembentukan seni arca. Penelitian terhadap budaya dan seni kolonial di era Hindu-Buddha, Barat dan Islām dan perkembangannya merupakan kronologi sejarah yang membawa inovasi dan pemikiran baru terhadap rekabentuk 3-dimensi dalam kesenian Melayu tradisional.

**Kata kunci:** Kesenian Melayu Tradisional, arca, rekabentuk 3-dimensi

### ABSTRACT

*This paper is a study of the development of sculpture in the historical and cultural environment of Malaysia. The development of 3-dimensional art design across a series of transitions has seen the country experience various political, religious and social transformations starting from prehistoric times, colonialism, and the post-independence era to the present day. This chain connects historical, phenomenal and cultural factors in the formation of sculptural art. The study of colonial culture and art in the Hindu-Buddhist, Western and Islam eras and its development is a historical chronology that brings innovation and new thinking to 3-dimensional design in traditional Malay's art.*

**Keywords:** *Traditional Malay's Art, sculpture, 3-dimensional design*

### PENGENALAN

Tanah Melayu telah mengalami beberapa fasa perkembangan kebudayaan, kesenian dan kepercayaan. Fasa-fasa perkembangan sosiobudaya dan keagamaan dalam masyarakat Melayu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu fahaman animisme, fahaman Hindu-Buddha dan fahaman Islam.


Fahaman animisme adalah satu sistem kepercayaan yang mengamalkan penyembahan terhadap patung dan ukiran arca. Penerapan objek berukir sebagai perwakilan terhadap roh atau semangat dianuti oleh masyarakat Melayu pribumi sebelum kedatangan agama Islam di rantau ini. Semua aspek kehidupan masyarakat pribumi di zaman tersebut ditentukan oleh kuasa ghaib. Penulisan-penulisan oleh Anthony Ratos (1976), Shahrudin Yub (1980) dan Baharuddin Mohd Arus (2008) menjelaskan

masyarakat Melayu pribumi di Malaysia mengamalkan animisma. Sehingga ini, masih terdapat dua kaum dalam kalangan masyarakat pribumi yang menghasilkan ukiran kayu iaitu Jah Hut di Pahang Tengah dan Mah Meri di persisiran pantai negeri Selangor. Ukiran-ukiran yang dihasilkan melambangkan kepercayaan mereka terhadap sesuatu semangat, roh atau alam ghaib.

Huraian ringkas ini membayangkan wujud aktiviti penghasilan objek-objek 3-dimensi yang diusahakan oleh masyarakat Melayu tradisi. Sungguhpun awalnya keberadaan objek-objek 3-dimensi didasarkan kepada tujuan keagamaan, namun kesinambungannya dalam perkembangan seni 3-dimensi diluaskan dengan pelbagai tujuan dan kepentingan.

## **METODOLOGI**

Pendekatan ini berasaskan analisis teks sepenuhnya iaitu berpandukan tinjauan khusus berhubung perbincangan tentang rekabentuk 3-dimensi dan imej-imej yang relevan. Penelitian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk menganalisis data primer atau sekunder dengan cara menjelaskan dan membincangkan implikasi penemuan. Rajah 1 dibawah menjelaskan metodologi penelitian ini.



**Rajah 1.** Penjelasan metodologi penulisan.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

### **Rekabentuk 3-Dimensi Dalam Kesenian Melayu Tradisional**

Fahaman Hindu dan Buddha telah wujud dalam kebudayaan masyarakat Melayu lebih 14 abad yang lalu, iaitu sejak kurun pertama sehingga 14 Masihi. Sejarah dan pengaruh yang kuat dapat dikesan melalui bahasa, kesusasteraan, kepercayaan, adat istiadat, senibina, pertukangan, tekatan, dan anyaman. Pada zaman itu, objektif ukiran adalah untuk menggambarkan epik dan naratif agama Hindu-Buddha, yang cenderung kepada "objek figura". Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan pengaruh adat-resam Hindu sangat kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu. Haiwan-haiwan tertentu dianggap suci, dan dipercayai mampu untuk memberi kuasa perlindungan dan menjaga kebajikan manusia. Ukiran kepala perahu dan okok berbentuk burung dan ikan banyak diaplikasikan kerana haiwan ini dianggap sebagai pesuruh yang setia, kuat dan tinggi martabatnya sebagai perantaraan tuhan dengan manusia (Nila Inangda, et. al., 2012).

Sistem pemerintahan Hindu-Buddha telah menggalakkan penerapan unsur-unsur keagamaan dalam aktiviti sosio budaya masyarakat tempatan. Galakan tersebut telah meningkatkan perkembangan seni ukiran pada bangunan istana, rumah pembesar, rumah ibadat, pintu gerbang serta alat-alat perkakasan. Penganut agama Hindu-Budha mengiktiraf kerja mengukir objek-objek 'ketuhanan' sebagai amalan yang paling mulia. Pengaruh-pengaruh ukiran figuratif telah meresapi pemikiran masyarakat Melayu untuk menerima motif haiwan dalam kesenian. Imej-imej binatang seperti burung, ikan dan ayam diterapkan ke dalam ukiran rumah-rumah Melayu. Penggunaan motif-motif zoomorfik disokong oleh tanggapan bahawa aktiviti permainan rakyat seperti laga ayam, beradu burung, dan laga ikan boleh membawa rezeki. Bentuk-bentuk ukiran dalam pengaruh fahaman Hindu-Buddha dapat diperhatikan pada gambar di bawah.



Ukiran kepala naga pada perahu Diraja Pahang. Hiasan relief motif tumbuhan pada bentuk haiwan mitos melalui teknik ukiran separa timbulan. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.41.*



Burung Jentayu Petala Maha Indera Sakti terdapat di Istana Besar, Kota Bharu, Kelantan. Hiasan relief motif flora pada bentuk haiwan mitos melalui teknik ukiran separuh timbul. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.42.*



Makhluk mitos dikenali sebagai Vahana atau Varuna dalam epic Hindu. Dalam panggilan tradisi ia disebut Makara, iaitu makhluk akuatik yang dikenalpasti sebagai raksasa laut dari mitologi Hindu, berbentuk ikan berkepala gajah. Motif ini wujud sejak kedatangan agama Hindu sekitar 1800-1700 SM, sebagai simbol perlindungan bagi masyarakat nelayan. *Sumber imej: <http://adiatsauri.blogspot.com/2009/07/makarakesin-ambungannya-dalam-senibina.html> 21.02.2013*



Ukiran kepala perahu dengan motif burung Gagak Sura. Digunakan untuk upacara Diraja. Makhluk mitos seperti Garuda<sup>1</sup>, adalah kenderaan Tuhan mengikut fahaman sebelum Islam. *Sumber imej: Akademi Nik Rashid: Jambatan Ilmu Warisan. <http://budayaseni.my/article/?id=149> 21.02.2013*

**Rajah 2.** Rekabentuk 3-Dimensi dalam Kesenian Melayu Tradisi di bawah pengaruh fahaman Hindu-Buddha.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dari negeri Arab, Parsi dan India dalam kurun ke-14 Masihi, membuka lembaran baru dalam masyarakat Melayu. Islam telah diterima sebagai agama baru. Fahaman fundamental Islam telah merubah bentuk-bentuk ukiran dengan melahirkan motif baru berasaskan unsur-unsur geometri, organic dan abstrak. Peralihan ideologi animisma dan Hindu-Buddha kepada Islam telah menunjukkan satu peralihan motif yang jelas. Motif-motif zoomorfik ditukar secara beransur-ansur, umpamanya motif itik berubah menjadi itik pulang petang dan motif badar berubah menjadi badar mudik. Motif-motif menjurus kepada penghayatan unsur-unsur keIslaman dan gaya ini

<sup>1</sup> Raja segala burung yang berupaya terbang laju dan menjadi kenderaan Dewa Vishnu dalam kepercayaan Hindu. Bagi negeri-negeri yang dipengaruhi Islam, 'Boraq' adalah lambang kepantasan (kenderaan) perjalanan Nabi Muhammad ketika peristiwa "Isra' Mikraj", iaitu dari Mekah ke Baitulmaqdis hingga ke "Sidratul Muntaha" pada malam 17 Rabiulawal atau pada malam 27 Rejab, bersamaan 622M. (\*Terdapat beberapa pendapat mengenai tarikh peristiwa ini) Peristiwa ini diceritakan dalam surah Al-Isra ayat 1 (Al Quran:17:1) dan Surah Al-Najm (al Quran: 53:13-18). Penggunaan motif 'Boraq' terdapat pada ukiran oleh suku Mindanau di Filipina, Jawa di Indonesia dan juga di negeri Iraq dan Parsi.

disebar, dan menjadi ikutan di seluruh gugusan kepulauan Melayu dengan pelbagai sebutan, antaranya awan larat<sup>2</sup> dan sulur bayung<sup>3</sup>.

Sepertimana yang telah disebut, Malaysia kaya dengan pelbagai penghasilan rekabentuk seni kraf warisan seperti tenunan, anyaman, terapan batik, tembikar, ukiran kayu, barangan berasaskan logam seperti emas, perak, tembaga dan besi. Kegiatan seni kraf Melayu, kebanyakannya tertumpu di negeri-negeri pantai timur semenanjung. Kemakmuran penghasilan produk kraf di rantau Melayu sekitar tahun 1839-1876, telah memberi pengiktiran kepada Terengganu dengan jolokan '*the Birmingham of Peninsular*' (Noraini A. Shariff, 2010).

Mendekati produk kraf bermaksud mengamati pelbagai rekabentuk objek-objek seni yang mana konsep penting dalam keseluruhan penciptaan dalam menentukan *nature of finish* sesuatu produk. Ia merupakan kualiti unik terhadap sesuatu bentuk, yang menentukan nilai dan tujuan. Jika berlaku perubahan pada rekabentuk, keseluruhan maksud rekaan akan terlibat. Rangkaian ini ditentukan oleh bahan, proses dan teknikal. Peranan ini penting bagi sektor industri, senibina dan senikraf penghasilannya turut merangkumi nilai-nilai seni halus dan seni gunaan. Istilah rekabentuk mengandungi terma 'reka' dan 'bentuk' yang bermaksud mencipta atau mengubah. Kedua pengertian ini menggambarkan pembentukan imajinasi dan objek secara sadar. Dua sifat nilai seni yang berbeza peranan, namun mempunyai ciri-ciri kesamaan dalam pengolahan dan tindakan adalah seni halus dan seni gunaan.

Menurut Siti Zainon (1986), dalam hal ini 'rekabentuk' merujuk kepada:

Struktur penting dalam keseluruhan penciptaan dalam menentukan *nature of finish* sesuatu produk. Ia merupakan kualiti unik terhadap sesuatu bentuk, yang menentukan nilai dan tujuan. Jika berlaku perubahan pada rekabentuk, keseluruhan maksud rekaan akan terlibat. Ran penting dalam keseluruhan penciptaan dalam menentukan *nature of finish* sesuatu produk. Ia merupakan kualiti unik terhadap sesuatu bentuk, yang menentukan nilai dan tujuan. Jika berlaku perubahan pada rekabentuk, keseluruhan maksud rekaan akan terlibat. Rangkaian ini ditentukan oleh bahan, proses dan teknikal. Peranan ini penting bagi sektor industri, senibina dan senikraf. Komponen penting yang menghubungkan aspek-aspek formal dan konseptual, mengandungi aspek 'rekaan dan makna', yang mana sesebuah karya boleh berdiri dengan sendiri. Kebebasan idea seniman atau artisan dikembangkan melalui aplikasi elemen dan unsur tampak, emosi dan fenomena fizikal. Pengkarya tidak terikat dengan mana-mana arahan, sebaliknya terlibat dengan nilai-nilai seni halus secara dominan. Situasi berlaku dalam catan dan arca. Dalam senikraf, rekabentuk yang seperti ini hanya berfungsi sebagai elemen dekorasi permukaan.

Senikraf atau kraftangan adalah hasil seni yang berperanan untuk kegunaan. Ia juga dihasilkan atas dasar rasa kesenangan melalui imaginasi seni. Penghasilan karya tidak hanya melibatkan nilai praktis tetapi juga kepandaian hiasan. Artisan menyediakan rekabentuk berpandukan pola-pola estetik tertentu dan patuh pada prosedur<sup>4</sup> tersebut dari mula hingga selesai. Keindahan pada seni kraf wujud melalui integrasi proses, prosedur dan tujuan. Estetik tanpa tujuan akan menjadikan seni ini tidak bernilai, sementara tujuan tanpa estetik melemahkan tahap kreativiti dan kecintaan masyarakat. Estetik mencetuskan keinginan awal untuk menghampirinya, dan tujuan adalah sebagai laluan untuk

---

<sup>2</sup> Awan larat adalah corak atau pola ukiran yang paling dimuliakan dalam apresiasi seni ukir Melayu klasik. Ukiran yang mengandungi awan larat ini jarang diletakkan di bawah daripada paras pusat malah biasanya di atas paras kepala.

<sup>3</sup> Sulur bermaksud pucuk dari tumbuhan yang melata atau menjalar. Bayung adalah jenis ukiran yang berupa tunas. Ukiran sulur bayung dibuat pada penghujung sesebuah objek atau produk yang dibuat. Kebiasaan sulur bayung dapat diperhatikan pada hujung bumbung / atap rumah Melayu, pintu gerbang dan sebagainya.

<sup>4</sup> Ukiran kayu dibuat melalui tiga kaedah, iaitu: i) Teknik tebuk / Sobek (*Dug-out / shredded technique*), ii) Teknik tembus (*Perforated dug-out technique*) and iii) Tebuk separuh timbul (*Relief dug-out / half relief*). Setiap teknik ini mengandungi kaedah-kaedah mengukir silat yang tersendiri. Silat dalam ukiran bermaksud rentak alunan ukiran motif.

memahaminya. Bentuk ukiran Melayu bermula dari suatu punca dan tumbuh menjalar memenuhi ruang-ruang positif dan negatif dalam imbangan semukur. Olahan motif ini turut diaplikasi pada barangan logam, songket dan tekatan. Gambar dibawah menjelaskan perbezaan peranan dan tujuan dalam rekabentuk ukiran Melayu.



Ukiran relief mendatar pada daun pintu, berfungsi sebagai seni guna dekoratif pada bangunan. Sumber imej: *Warisan Seni Ukir Kayu*. <http://www.warisanseniukir.com/> 21.02.2013

Ukiran relief di keliling bungkah kayu tiga dimensi berfungsi untuk penghayatan visual. Sumber imej: <http://senivisual1.blogspot.com/2009/11/ukiran-kayu.html> 21.02.2013

**Rajah 3.** Fungsi rekabentuk ukiran kayu dalam konteks seni guna dan seni halus.

Noraini A. Shariff (2010) mengatakan masyarakat Melayu telah menguasai kemahiran mengukir sejak lebih 500 tahun dahulu, untuk kegunaan ukiran di dalam dan di luar bangunan kediaman. Sebaliknya Siti Zainon Ismail (1986) mengatakan bahawa kepandaian ini bermula apabila perkampungan Melayu didirikan bagi menggantikan sistem hidup cara nomad. Ini dijangka berlaku sekitar 2000 hingga 1500 SM. Objek-objek ukiran dalaman adalah merujuk kepada produk yang mewakili senjata, perkakasan, permainan dan produk utiliti. Ukiran luaran bermaksud ukiran hiasan pada bangunan yang berfungsi sebagai kekisi untuk pengudaraan, atau juga alatan pertanian yang bersaiz besar. Semua jenis ukiran yang dibuat mempunyai motif dan falsafah yang dibangunkan bersama kesenian tersebut. Motif-motif kaligrafi yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran adalah inspirasi dari agama Islam. Karya-karya ukiran ini dibuat dalam bentuk tiga dimensi atau setidaknya dalam upaya sentuhan relief atau intaglio. Aspek-aspek ini mewakili kriteria bentuk dan ruang sepertimana konsep penghasilan arca kontemporari.

Falsafah seni ukir Melayu menerapkan prinsip-prinsip Tauhid dalam pelaksanaannya. Setiap ukiran perlu mengandungi komponen-komponen dasar, asas dan punca<sup>5</sup>. Setiap motif merupakan inspirasi dari alam sejadi yakni flora dan fauna, yang mempunyai kaitan erat dengan anatomi fizikal manusia. Analoginya, setiap flora yang tumbuh melata tentu mempunyai umbi, tunggul atau pangkal yang menjadi punca kehidupan. Kemudian ia membiak menjadi berlapis-lapis bersesuaian dengan angka-angka popular dalam Islam. Signifikasi antara angka dan amalan adalah seperti tiga tingkat tentang kewujudan (Allah, Muhammad, Adam), 4 tingkat keEsaan (Wahdatul Zat, Wahdatul Sifat, Wahdatul Asma' dan Wahdatul Af'al), 5 tingkat amalan (rukun Islam), 6 tingkat keimanan (rukun iman) dan 13 tingkat amalan dalam rukun solat yang menjadi teras kehidupan setiap Muslim.

Ketika akar-akar menjalar, aturannya diungkap sebagai tidak menindih atau menikam sesama sendiri. Ia menyusur ke atas atau ke bawah dengan sopan. Apabila bertemu halangan ia akan menyulur mencari kembali arah cahaya, sebagai tanda kembali ke jalan yang lurus. Walau ke mana sekali pun ia berkembang dan membiak, pucuk menghala ke atas mengadap langit sebagai tanda akur tentang

<sup>5</sup> Bentuk ukiran awan larat mengandungi dengan empat cara iaitu:


- i. Awan larat berpunca; iaitu setiap motif bermula dalam pola lingkaran bulat yang berulang-ulang.
- ii. Awan larat beribu; setiap motif ukiran bermula dari kuntuman bunga.
- iii. Awan larat berpasu; setiap motif ukiran bermula dari sebuah pasu.

Awan larat sorok punca; motif bermula dalam pola lingkaran berbentuk 8 atau S yang berulang-ulang. Pola ini disebut sorok punca, kerana permulaannya yang tidak dapat dikesan.

perjalanan hidup seorang insan, yang apabila sampai waktu akan kembali kepada Allah SWT. Ada ketika pucuk tunduk ke bawah mengadap bumi sebagai tanda hormat kepada yang lebih tua.

Simboliknya, punca, umbi atau akar adalah benih (yang 40 hari di rahim bapa kemudian, 9 bulan 10 hari dalam rahim ibu), lahir bersulur, bertunas, membesar, membiak dan menyusuri pelbagai lapisan dan peringkat kehidupan. Seperti juga kehidupan manusia yang bermula dari janin, bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan seterusnya kembali kepada Pencipta, iaitu Allah SWT. Hakikat ini menjadi dasar dalam semua jenis seni ukiran Melayu, sama ada senjata, perahu dan sebagainya. Apa yang terdapat pada sebuah rumah, perahu, perhiasan, juga akan wujud pada ukiran keris dan lain-lain perkakasan termasuk pakaian dan barang kemas.

Umumnya falsafah ukiran Melayu terbahagi kepada dua iaitu, Falsafah Ketuhanan dan Falsafah Kemasyarakatan. Klasifikasinya dijelaskan dalam rajah di bawah:



**Rajah 4.** Falsafah dalam ukiran kayu Melayu.

Falsafah seni ukiran Melayu sepertimana diungkapkan oleh Abdullah Mohammed (1978) sebagai, 'Tumbuh berpunca, punca penuh rahsia, tajam tidak menikam lawan, lilit tidak membelit kawan', adalah penjelasan terhadap pegangan dasar aqidah yang kukuh. Memahami falsafah seni ukiran Melayu adalah jalan mendekati diri kepada Allah SWT, kerana jiwa setiap artisan memiliki sifat-sifat kehambaan, penyuluh diri dan suasana, pemerhati dan pemikir, dan juga berjiwa pendakwah. Gambar-gambar di bawah menunjukkan aplikasi falsafah dalam rekabentuk 3-dimensi kesenian Melayu tradisi.



<sup>6</sup> Kala bermaksud waktu atau masa. Dari segi konsep dalam ukiran kepala kala bermaksud permulaan bagi sesuatu motif.

<sup>7</sup> Helaian daun yang dilukis dari pecahan batang dikenali sebagai sibardayang. Ini bermaksud, manusia sebagai makhluk tidak boleh bersikap menunjuk-nunjuk dan berbangga diri. Sifat-sifat keji boleh menimbulkan sikap lupa diri dan kebencian orang lain. Kita adalah makhluk Allah yang lemah dan tidak sepatutnya bersifat negatif.



Celepa perak berbentuk berbulat dengan bingkai beralun. Hiasan motif flora melalui teknik repousse awan larat sorok punca. Teknik ini relevan dengan ukiran separuh timbul. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.88.*

Jebak burung. Hiasan motif flora melalui teknik tebuk tembus awan larat beribu motif bunga sukun dan teknik tebuk tembus tanpa silat. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.8.*



Kuku Kambing. Hiasan motif fauna melalui teknik ukiran separuh timbul. *Sumber imej: Diedit dari Mohamad Jusoh. Seni Ukiran Halus. [http://seniukiranhalus.blogspot.com/2010\\_04\\_01\\_archive.html](http://seniukiranhalus.blogspot.com/2010_04_01_archive.html) 21.02.2013*



Bangau dan okok perahu dari Terengganu. Hiasan motif flora melalui teknik ukiran separuh timbul. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.40.*

### Rajah 5. Rekabentuk 3-Dimensi dalam Kesenian Melayu Tradisi.

Mendekati bentuk-bentuk kesenian 3-dimensi Melayu dalam konteks sezaman, Mohamed Ali Abdul Rahman (1993) mengatakan ulu keris Melayu mempunyai 'vitality' tersendiri yang mantap dari aspek unsur dan elemen senireka, sepertimana wujud sesebuah arca moden. Bentuk-bentuk ini mempunyai pelbagai nama yang berbeza seperti hulu pekaka, ayam teleng dan jawa demam. Ulu keris merupakan contoh senirupa 3-dimensi Melayu yang menepati segala milikan seni. Organisasi keseluruhan bentuk ulu keris mengandungi nilai-nilai seni kontemporari, bahan, teknik, gaya dan sejarah yang diperlukan oleh pengkritik dan pensejarah seni.

Syed Ahmad Jamal (1922) mengatakan arca wujud dalam ruang. Sesebuah arca akan menguasai ruang dan memberi bentuk kepada ruang tersebut. Arca menjadi pusat tumpuan yang dinamik, apabila wujud perhubungan antara pemerhati, bentuk, ruang, dan bahan. Ruang adalah konsep yang mempunyai aneka dimensi, yang wujud melebihi daripada satu aras pengamatan. Seni Melayu mengamalkan prinsip-prinsip seni Islam, dan pengamatan seni Melayu memerlukan kefahaman konsep dan kewujudan ruang. Ruang tidak hanya diamati pada aspek hiasan, tetapi meliputi ruang luaran, dalaman dan di antara kewujudan bentuk, rupa, corak, garisan dan sebagainya. Hakikat ini memberikan kesedaran terhadap alam fana dan alam baqa. Ia melebihi sempadan ruang nyata dan abstrak. Mereka yang mengamati konsep ruang dengan berpancukan tradisi seni rupa Barat tidak mendasari konsep ruang dengan wajar, lalu pengamatan mereka terhadap seni Islam hanya di peringkat permukaan sahaja. Akibatnya, penilaian terhadap seni tradisi diamati tidak lebih dari seni hias (Syed Ahmad Jamal, 1922;30).

Terdapat manifestasi bentuk-bentuk arca yang tersendiri dalam senirupa Melayu. Kukuran adalah ciptaan seniman Melayu yang mempunyai bentuk dan nilai seni rupa yang tinggi. Kukuran diasaskan kepada bentuk zoomorfik yang dihiasi ukiran motif nabati yang diolah sebagai anggota kepada figura tersebut (Syed Ahmad Jamal, 1922;43). Ketam padi (Ani-Ani), kuku kambing dan tenggala merupakan alat pertanian yang juga memiliki nilai-nilai arca. Konstruksi bentuk tenggala, bermula dari "nanyan" (pemegang pandu) hingga ke mata pembajak dalam posisi vertical, dan rasuk

### 3-Dimensional Design in Traditional Malay's Art

yang ditanggam dalam posisi horizontal membentuk bahagian-bahagian yang dinamakan sebagai kepala lawi, buak, dan buaya-buaya. Kombinasi dua satah yang di sertakan dengan ukiran pada salur bayung ini, mewujudkan unsur pergerakan yang dinamik pada alat tersebut. Gambar-gambar di bawah menunjukkan rekabentuk 3-dimensi kesenian Melayu tradisi yang dikatakan memiliki signifikansi dengan nilai artistic arca.



Hulu keris Jawa Demam. Hiasan relief motif flora melalui teknik ukiran separuh timbul. *Diedit dari: Mohamad Jusoh. Seni Ukiran Halus*  
[http://seniukiranhalus.blogspot.com/2010\\_04\\_01\\_archive.html](http://seniukiranhalus.blogspot.com/2010_04_01_archive.html) 21.02.2013



Kukuran kelapa. Hiasan relief motif flora melalui teknik ukiran separuh timbul. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922,p.32.*



Kukuran kelapa. Hiasan relief motif flora pada bentuk seekor buaya melalui teknik ukiran separuh timbul. *Diedit dari: Kukuran Kelapa Antik Berukir.*  
<http://azmankeriskb.blogspot.com/2011/06/kukuran-kelapa-antik-berukir.html>. 21.02.2013



Tenggala. Konstruksi bentuk 3-dimensi yang dinamik dengan hiasan minima *sulur bayung* motif flora. *Sumber imej: Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM, 1922, p.43.*

#### **Rajah 6.** Rekabentuk 3-Dimensi Kesenian Melayu tradisi yang memiliki nilai artistik arca.

Persoalan tentang apakah kesenian alam Melayu sememangnya rendah mutu keseniannya berbanding kesenian barat untuk diterima dalam arena seni kontemporari, telah menjadi isu kepada seniman dan sarjana. Pertembungan nilai-nilai tradisi dan kontemporari yang merangsang kesedaran terhadap kesenian dan identiti telah dicetuskan oleh peristiwa-peristiwa kebudayaan<sup>8</sup> dan banyak diperbincangkan dalam penulisan-penulisan<sup>9</sup> ilmiah. Salah satu cabaran Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 ialah sikap tidak perihatin masyarakat Malaysia terhadap nilai-nilai budaya tempatan.

<sup>8</sup> Antaranya adalah Konvensyen Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971), Seminar akar-akar Pribumi, 1979 dan Pameran Rupa dan Jiwa 1979.

<sup>9</sup> Antaranya adalah: KeMalaysiaan Senilukis Malaysia: Soal Identity. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. 1991. \_Syed Ahmad Jamal. Rupa dan Jiwa. DBP & KPM. Kuala Lumpur. 1992. \_Form and Soul: The Continuity of Traditions in Contemporary Malaysian Arts. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. 1993.



Penjajahan British ke atas tanah Melayu pada awal abad ke-19 menyebabkan lahirnya seni lukis moden Malaysia. Perkembangan seni moden menyebabkan penolakan dan peminggiran kesenian tradisional Melayu. Ideologi seni moden terbentuk berdasarkan pandangan secular dan bersifat materialistik, yang menganjurkan pelbagai falsafah serta teori seni yang bertentangan dengan mistik-keagamaan yang terdapat dalam kesenian tradisional Melayu (Sulaiman Esa, 1993). Syed Ahmad Jamal (1922) mengatakan, sungguhpun Tanah Melayu kaya dengan tradisi kesenian, termasuk seni hias, ukiran, tenunan, tulisan dan lain-lain, konsep seni lukis Malaysia kini adalah mengikut konsep yang diwarisi dari Barat Syed Ahmad Jamal (1971). Menyokong kenyataan ini, Sulaiman Esa (1993), mengatakan bahawa adaptasi bentuk secular seni lukis moden oleh para pelukis Malaysia mencerminkan satu tahap “krisis makna” yang dicituskan oleh “epistemological rupture”.

Era pasca-merdeka, sekitar akhir tahun 1970an merupakan detik perubahan citra seni dunia Melayu daripada seni moden secular. Periode ini dilihat sebagai satu usaha pembebasan terhadap belenggu modernism Barat. Usaha-usaha ini dilakukan oleh Syed Ahmad Jamal, Sulaiman Esa, Ismail Latif, Fatimah Chik, Rozaika Omar Basaree dalam persembahan karya seni mereka. Sulaiman Esa telah memperjuangkan ikonografi kesenian timur dan tempatan sejak akhir dekad 1960an, sebagai usaha melahirkan karya-karya alternative untuk menolak kesenian Barat (Mulyadi Mahamood, 2006).

Pendekatan seni arca dari sudut kesenian alam Melayu dapat dikesan melalui karya-karya Mad Anuar Ismail, Arifin Ismail, Tengku Sabri, dan Raja Shahriman. Tengku Sabri menghasilkan siri arca “Teleng” dengan penggunaan kayu sebagai medium utama. “Teleng” adalah ilham dari kerja-kerja seni ukiran bapa beliau berdasarkan keindahan bentuk-bentuk hulu keris dan ukiran Melayu. Arca-arca dalam siri ini diusahakan pada tahun 1987 hingga 1988 (dengan sentuhan pengaruh seniman moden barat seperti Henry Moore, Constantine Brancusi dan Barbara Hepworth<sup>10</sup>). Karya-karya Raja Shahriman dalam siri Gerak Langkah tahun 2006 adalah penghayatan terhadap kesenian rekabentuk hulu keris.

Mad Anuar Ismail juga menghasilkan arca-arca yang diinspirasi melalui rekabentuk hulu keris. Dorongan kuat Mad Anuar untuk menghasilkan karya-karya yang mendasari falsafah Melayu, adalah disebabkan perasaannya dicalar oleh kata-kata sinis pengajar separuh masa berbangsa Inggeris (tidak disebutkan nama) di ITM sekitar tahun 1970an. Warga Barat itu mengatakan bahawa sesuatu bangsa mesti mempunyai falsafah, Orang Melayu tidak mempunyai falsafah, maka tidak ada bangsa Melayu. Tersengat oleh ucapan tersebut, Mad Anuar telah membuktikan kesilapan kenyataan warga barat tersebut, melalui arca-arca yang disandarkan kepada falsafah dunia Melayu secara vital (Zakaria Ali, 1991).

Pembinaan arca-arca awam berinspirasi inovasi keris terus mendapat perhatian dikalangan seniman. Arca berjudul ‘Hulu Pekaka’ oleh Arifin Ismail dibina pada tahun 1982, di halaman tertutup bangunan Arkib Negara. Ramlan Abdullah telah membina arca ‘Keris’ pada tahun 1998 di Stadium Bukit Jalil dan Latif Mohiddin membina arca ‘Keris’ 1987 di halaman Menara Maybank. Penghayatan terhadap bentuk Melayu ini dibawa ke luar negara oleh Rosli Zakaria dengan membina arca ‘Keris’ pada tahun 2006 di Changcung Sculpture Park, China. Selain itu inisiatif kerajaan negeri turut menghasilkan arca-arca awam berbentuk keris seperti yang terdapat di memorial keris Kuala Kangsar, arca keris di bandar, Johor, arca keris di Dataran Alor Gajah, Melaka dan Kris Monument, Klang.

Berteraskan faktor-faktor idea dan falsafah, dan usaha menghidupkan tradisi dikalangan seniman Malaysia pada dekad-dekad 70an, 80an dan 90an wajar dihargai. Unsur-unsur budaya yang sebelumnya terpinggir seperti elemen-elemen seni tradisi dan pribumi, metos dan lagenda, kosmologi, nilai-nilai rohaniah dan sejarah serantau telah dimajukan sebagai persoalan-persoalan dalam pengkaryaan. Pencapaian dan perubahan perspektif daripada yang berpusatkan Barat kepada yang bersifat lokaliti dan serantau telah dijelaskan oleh Syed Ahmad Jamal (1992) dengan mengatakan:

*Perkembangan seni lukis moden Malaysia terpancar dari dalam ke luar, didorong oleh kekuatan dan kekayaan yang terdapat daripada nilai-nilai tradisi kebudayaan dan unsur alam sekitar dan bukan dipengaruhi oleh aliran seni luar. Dalam kata-kata yang lain, aktiviti dan perkembangan seni oleh seniman Malaysia digerakkan dari kekuatan rohani dan jasmani seniman sendiri dan bukan pengaruh dangkal dari luar.*

---

<sup>10</sup> Artikel bertajuk Tinjauan Pengaruh Barat Terhadap Perkembangan Seni Arca Di Malaysia telah diterbitkan dalam Journal Kupas Seni, Vol. 1, No. 1, December 2012, UPSI.

## KESIMPULAN

Seni arca wujud dalam semua kebudayaan dengan tujuan yang berbagai, sama ada sebagai entiti yang mewakili kepercayaan, memenuhi kepentingan dan keperluan artistik manusia dalam masyarakat, atau kreativiti dan ekspresi individu dalam pengalihan perasaan terhadap sesuatu tindakbalas berkaitan persekitaran sosial dan pengalaman hidup. Setiap satunya mempunyai keutamaan dan peranan dengan pemilikan ciri-ciri intelektual yang tersendiri.

Dalam konteks kepercayaan, arca mewakili keagamaan dengan system kepercayaan, kepatuhan dan anutan yang kompleks. Ia adalah milik mutlak agama tersebut dengan ketetapan dogma yang hakiki tanpa sebarang perubahan. Arca keagamaan tidak terkesan oleh faktor situasi, lokasi dan masa. Kemungkinan untuk perubahan adalah minima, dan hanya mungkin dari sudut kaedah representasi, bahan dan teknikal, tetapi tidak dari segi konsep, tujuan dan kepercayaan. Ia akan kekal sebagai objek yang diagungkan dan berada pada kedudukan tertinggi dalam agama dan kebudayaan tersebut.

Dalam konteks komuniti, arca di dominasi oleh keperluan artistik yang bergantung kepada asas-asas keupayaan kreatif manusia. Pembentukan objek-objek adalah berperanan sebagai mewarisi dan mempertahankan keharmonian system nilai kemasyarakatan yang telah disepakati bersama. Native art, folk art, traditional art digolongkan oleh sarjana Barat dalam entity ini, disebabkan keterbatasannya dalam konteks lokaliti yang bersifat kedaerahan dan perkauman. Rata-rata individu yang menghasilkannya dikenali sebagai pengukir atau petukang (craftman). Pengelompokan seni dalam kategori ini menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan sarjana seni, pengkritik seni, pakar kebudayaan, sejarawan, penulis dan artis.

Arca dalam konteks ekspresi artistik adalah mewakili pemikiran, pengalaman, kemahiran dan latarbelakang pendidikan. Penghasilan bentuk-bentuk arca adalah bersifat luahan perasaan atau komentar terhadap isu-isu yang lebih meluas, meliputi ekonomi, politik, agama dan fenomena sosial. Sikap keterbukaan minda yang bersifat individualiti ini, membenarkan asimilasi pengaruh-pengaruh dari kebudayaan dan persekitaran dari luar. Individu yang menghasilkannya dikenali sebagai pengarca atau seniman. Istilah-istilah moden dan kontemporari seringkali dilabel pada karya-karya yang dihasilkan.

Sungguhpun demikian, seni dalam konteks ini juga mempunyai komplikasinya yang tersendiri, sepertimana dijelaskan oleh Piyadasa (1996):

*"There are two kinds of art works that are usually created by visual artists - art works that may be considered "safe" and are thus more readily acceptable and art works that are a challenge to orthodox tastes and are therefore "difficult to live with". By and large, the kind of art works belonging to the first category, are inclined to be popular with the average art lover and art collector. Such works are essentially pleasing and reassuring, reaffirming normative assumptions about art as a purveyor of beautiful images and being derived from technical mastery and artistic accomplishment. Such art works are "easy to live with" because they cater to accepted notions of "good taste" and well-tested aesthetic definitions."*<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Diterjemahkan sebagai: Terdapat dua kategori karya seni yang dihasilkan oleh seniman, iaitu karya yang dianggap "selamat" dan karya-karya yang memberi cabaran kepada citarasa orthodox akan menjadi 'sukar untuk hidup'. Karya-karya dalam kategori "selamat" akan lebih cenderung untuk menjadi popular. Pada asasnya karya-karya sebegini adalah menyenangkan dan mengesahkan penilaian normatif sebagai penyampai seni yang cantik, penguasaan teknikal yang baik dan penyampaian estetik yang sempurna.

## RUJUKAN

- Abdullah Mohamed (Nakula). (1978). *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu: Hubungan dengan Islam dan Kesenian*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Baharuddin Mohd Arus. (2008). *Pribumi dalam Timelines: Malaysian Art with 50 Years National Art Gallery*. Kuala Lumpur: NAG.
- Mohamed Ali Abdul Rahman. (1993). *Manifestasi Weltanschauung Melayu dalam Rupa dan Jiwa: Kesenambungan Tradisi Dalam Senirupa Malaysia Sezaman*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur: Micom Printers. Unpaged.
- Muliyadi Mahamood. (2006). *Rupa dan Jiwa Johor*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur: Percetakan Warni Sdn.Bhd. p.17.
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud., Ezrin Arbi., & Mohammad Faisal. (2012). *The application of Malay wood carving on contemporary architecture in Malaysia*. Journal of Design and Built Environment, Vol.11, Dec 2012. pp.1-14.
- Noraini A. Shariff. (2010). *Terengganu Selected Handicrafts*. Yayasan DiRaja Sultan Mizan. Terengganu: Card Information Sdn. Bhd., K.L. p.15.
- Piyadasa, Redza. (1996). *Living With 'Difficult' Art Works*. Kuala Lumpur: Business Times. 11 May 1996: 20. Web. September 30 /11 / 2011. <http://search.proquest.com/docview/266755290?accountid=6579>.
- Ratos, A. (1976). *Patung –Patung Kayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Shahrum Yub. (1980). *Mah Meri Sculpture*. Kuala Lumpur: National Museum.
- Siti Zainon Ismail. (1986). *Gabungan Rekabentuk Unsur Hindu dan Islam dalam Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. pp.31-37.
- Siti Zainon Ismail. (2016). *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. p.20.
- Sulaiman Esa. (1993). *Suatu Dialektik tentang penolakan dan Pengungkapan Kesenian Tradisional Dalam Senilukis Moden Malaysia dalam Rupa dan Jiwa: Kesenambungan Tradisi Dalam Senirupa Malaysia Sezaman*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. Unpaged.
- Syed Ahmad Jamal. (1971). *Syor-Syor Bagi Mencapai Objektif-Objektif Seni Dalam Perkembangan Kebudayaan Malaysia*. Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Malaysia. Asas Kebudayaan Kebangsaan: mengandungi kertas kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan dari 16hb Ogos – 20 Ogos 1971. Kuala Lumpur: KBBSM. 1973. m/s. 313.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan Jiwa*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd., p.33.
- Zakaria Ali. (1991). *KeMalaysiaan Senilukis Malaysia: Soal Identity*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. Unpaged.